

22 APR 2002

Najib-Sukhoi

MALAYSIA BELUM BUAT KEPUTUSAN BELI SUKHOI, KATA NAJIB

PETALING JAYA, 22 April (Bernama) -- Kerajaan belum membuat keputusan muktamad sama ada untuk membeli pesawat pejuang Sukhoi Su-30 buatan Rusia, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Katanya perkara itu masih lagi dalam "proses menerima cadangan" daripada pihak pengeluar pesawat itu di Rusia.

"Kita belum lagi membuat apa-apa keputusan. Ada orang yang agaknya umum perkara ini terlalu awal," katanya kepada pemberita ketika ditanya mengenai laporan sebuah agensi berita yang memetik akhbar harian India, The Hindu, yang melaporkan Malaysia akan membeli pesawat Sukhoi yang akan dikeluarkan bersama oleh Rusia dan India.

Najib berkata jika kerajaan membuat keputusan untuk membeli pesawat pejuang pelbagai guna itu, Malaysia sendiri akan menentukan aspek teknikalnya yang sesuai untuk keperluan pertahanan negara.

Pesawat pejuang Sukhoi adalah antara yang disebut-sebut akan dibeli untuk Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sebagai sebahagian daripada proses pemodenan Angkatan Tentera Malaysia sekarang.

Najib telah menyertai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatan ke Rusia bulan lepas untuk menyaksikan demonstrasi pesawat itu.

China ialah antara negara di rantau Asia yang sedang menggunakan pesawat itu manakala India juga telah menempahnya.

Menjawab satu soalan lain, Najib berkata Malaysia memiliki sedikit sebanyak kemampuan dalam menghadapi ancaman senjata kimia and biologi.

Namun, katanya, negara perlu menambah keupayaannya untuk membanteras ancaman sebegini jika ia berlaku.

"Dalam hal ini, sukar untuk sesuatu negara itu nak mempunyai kemampuan dalam segenap aspek kerana ini satu bidang baru dan perlukan banyak perbelanjaan," katanya.

Najib berkata Malaysia boleh meminta bantuan negara-negara tertentu jika menghadapi ancaman sebegini.

Beliau juga ditanya mengenai kenyataan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong bahawa ada surat khabar Malaysia yang sengaja menimbulkan masalah dalam hubungan Malaysia-Singapura dengan menerbitkan berita-berita yang boleh menjejaskan hubungan dua hala.

Menurut Najib isu seperti penambakan laut Singapura memang menjadi perhatian masyarakat Malaysia dan media tidak boleh elak daripada mengulas mengenainya.

"Amat sukar bagi kita termasuk media di Malaysia untuk tidak membuat sesuatu ulasan atau cerita berhubung isu dua hala Singapura-Malaysia," katanya.

Najib berkata Malaysia telah membuat kenyataan umum mengenai perkara itu dan sedang menyediakan bukti saintifik mengenai kesan penambakan itu seperti yang diminta oleh Singapura.

"Nampaknya mereka hendakkan bukti yang kukuh sebelum nak buat apa-apa respon pada kita," kata Najib.

-- BERNAMA

RV ZS MAI